

Datuk Musa dijangka umum keputusan kerajaan lusa

KUALA LUMPUR, Isnin — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, dijangka mengumumkan butir-butir keputusan kerajaan Khamis ini mengenai tuntutan doktor-doktor untuk mendapatkan faedah perkhidmatan dan lain-lain, kata sumber-sumber yang mengetahui hari ini.

Minggu lalu, Menteri Kesi-

hatan, Tan Sri Chong Hon Nyan, berkata Jawatankuasa Kabinet telah membuat keputusan dan Datuk Musa akan membuat pengumuman minggu ini.

Doktor-doktor menuntut faedah perkhidmatan yang lebih baik, kemungkinan naik pangkat, elaun galakan, elaun-elaun penggantian tugas termasuk elaun panggi-

lan untuk berkhidmat, penerimaan khidmat doktor pelatih dalam soal-soal berhubung dengan kekananan dalam perkhidmatan dan permohonan mendapatkan pinjaman perumahan serta cuti tanpa gaji.

Sementara itu, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) berharap kenyataan Datuk Musa akan dapat menyele-

saikan sebahagian besar masalah yang dihadapi oleh doktor-doktor itu.

Setiausaha Agungnya, Dr Yeoh Poh Hong, berkata MMA memandang berat keadaan yang berlaku ekoran daripada masalah itu dan berterima kasih kerana Jawatankuasa Kabinet telah membuat keputusan. — Bernama.